



JOHOR TEKAD JADIKAN SUKAN INDUSTRI EKONOMI BAHARU

ISKANDAR PUTERI (1 Disember): Kerajaan Negeri Johor menerusi pembentangan Belanjawan 2021 oleh Menteri Besar, Datuk Hj Hasni Mohammad pada Khamis, menjelaskan visinya untuk menjadikan bidang sukan sebagai sebuah industri ekonomi yang baharu di Johor. Belanjawan tersebut menyaksikan sejumlah RM1 juta diperuntukkan bagi membangunkan Johor Sports Masterplan 2030. Pelan induk ini akan memberikan halatuju baharu kepada industri sukan negeri Johor bukan sahaja untuk gaya hidup dan pembangunan atlet semata-mata tetapi menjadikan sukan sebagai sumber ekonomi baharu kepada negeri Johor.

Sehubungan dengan itu, Sports Johor Sdn. Bhd dan Majlis Sukan Negeri Johor (MSNJ) dalam usaha untuk memuktamadkan kolaborasi bersama Loughborough Universiti, United Kingdom yang merupakan universiti terbaik di dunia dalam bidang sains sukan. Ia bukan sahaja dapat membantu memantapkan persiapan kontinjen Johor bagi menghadapi SUKMA XX Johor 2022 malah kerjasama ini berpotensi untuk membantu Johor bagi melahirkan atlet bertaraf dunia, membangunkan industri sukan serta memacu pembangunan sektor pelancongan sukan.

Dalam pada itu, sejumlah RM1 juta turut diperuntukkan bagi Program Profesionalisasi Persatuan Sukan Negeri Johor termasuk pemberian geran MSNJ kepada persatuan sukan negeri.

Menurut Pengarah Majlis Sukan Negeri Johor, Mohd Gadaffie Abd Aziz berkata, MSNJ akan menggredkan kesemua 41 Persatuan Sukan Negeri Johor yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan Malaysia dan bernaung di bawah MSNJ bertujuan untuk menilai prestasi bagi tujuan pemberian Geran Subsidi Majlis Sukan Negeri Johor (MSNJ).

“Objektif pemberian geran subsidi ini adalah untuk memperkasa peranan Persatuan Sukan Negeri Johor supaya lebih proaktif, berdaya saing, dan berfokus. Di samping itu, pendekatan ini turut menggalakkan persatuan menjalankan program pembangunan yang berstruktur, membangun potensi atlet, jurulatih, dan teknikal serta mengawalselia keaktifan Persatuan.

Disamping itu, MSNJ juga akan melaksanakan Program Profesionalisasi Persatuan Sukan dengan harapan persatuan yang dipilih mengikuti program ini akan dapat memperkasa peranan mereka dari segi fungsi dan perancangan seterusnya mampu bergerak sendiri tanpa mengharapkan subsidi dari MSNJ,” katanya.

Beberapa persatuan sukan negeri turut menyambut baik inisiatif kerajaan negeri menerusi MSNJ untuk menggredkan persatuan sukan yang disifatkan dapat membantu persatuan untuk lebih berdaya saing dan mempunyai tadbir urus bersistematik sekaligus merencanakan program sukan negeri Johor dalam usaha melahirkan lebih ramai atlet-atlet muda berkualiti pada masa hadapan.

**MAJLIS SUKAN
NEGERI JOHOR**



Aras 1, Bangunan Dato' Mohammad
Ibrahim Munsyi, Kota Iskandar,
79000, Iskandar Puteri



officialmsnj@johor.gov.my
msnegerijohor@gmail.com



07-266 1698/ 99
07- 266 6234
07- 266 1215 (Fax)



Presiden Persatuan Olahraga Negeri Johor, Sallehudin Haji Satar berkata, Pengumuman ini disambut baik oleh pihak kami kerana ia menjadi titik tolak untuk mengharungi keadaan yang tidak menentu selain memberikan peluang buat anak watan Johor bagi terus memajukan lagi sukan ini.

“Kami menghargai usaha kerajaan negeri menerusi MSNJ yang sentiasa memantau keadaan persatuan-persatuan sukan sehingga kami mengecapi kejayaan dalam pelbagai pertandingan khususnya pada temasya Sukan Malaysia akan datang.”

Turut senada dengan Sallehudin adalah Presiden Persatuan Berbasikal Negeri Johor, Datuk Amran A. Rahman.

“Kami amat menghargai apa yang telah diumumkan oleh kerajaan negeri, ia merupakan satu belanjawan yang inklusif dan kami memohon agar bantuan dapat diteruskan kepada sukan yang merupakan berprestasi tinggi.

“Selain itu, penyelenggaraan prasarana sukan juga perlu diambil kira dan persatuan akan merangka semula pelan tindakan bagi menghadapi sebarang pertandingan khususnya temasya Sukan Malaysia yang dijadualkan pada 2022 di Johor”, jelasnya ketika dihubungi.

Presiden Persatuan Karate Negeri Johor, Chok Kong Yu pula berpadangan peruntukkan menerusi Belanjawan itu dapat membantu persatuan itu merangka semula perancangan yang tertangguh.

“Berdasarkan Belanjawan 2021 ini, Persatuan Karate Johor merupakan antara 3 sukan yang dicadangkan dalam program penggredan serta modernisasi persatuan. Di bawah program ini kami berpeluang untuk bergerak lebih pantas seiring dengan era modernisasi yang dilakukan di kebanyakan negara eropah.”

“Kami juga bersedia melaksanakan program yang dirancang, terutamanya bagi menghadapi Sukan Malaysia yang dijadualkan pada 2022. Perancangan kami lebih menumpukan kepada pembangunan program karate di peringkat akar umbi dan juga memperkasakan program pembangunan jurulatih serta pegawai yang bertauliah di peringkat antarabangsa”, jelas Chok.

Selain itu, kerajaan negeri juga turut menyediakan platform untuk rakyat bersukan menerusi pengajuran Karnival Sukan Makmur Xtif Johor. Karnival ini akan melibatkan tiga jenis sukan iaitu sukan sepak takraw, badminton dan bola jaring. Penganjuran aktiviti ini akan dilaksanakan di 56 DUN seluruh negeri Johor.

Manakala acara seperti XTIF Johor Fun Ride, Fun Run dan Esports juga akan dilaksanakan dibawah JOYDEC dimana kerajaan negeri akan memperuntukkan sebanyak RM 1.98 juta bagi tujuan ini bagi membantu rakyat negeri Johor kekal aktif dengan bersukan.

Gimnasium Rakyat bertaraf antarabangsa juga akan dibina selari dengan titah Tunku Mahkota Johor untuk membina gimnasium bagi melahirkan bangsa Johor yang mengamalkan gaya hidup aktif dan sihat selain daripada penubuhan Tunku Mahkota Ismail Youth Centre bagi memperkasa golongan muda di negeri Johor di samping RM 500,000 diperuntukkan bagi Pangkalan Data Belia Johor.

**MAJLIS SUKAN
NEGERI JOHOR**



Aras 1, Bangunan Dato' Mohammad
Ibrahim Munsyi, Kota Iskandar,
79000, Iskandar Puteri



officialmsnj@johor.gov.my
msnegerijohor@gmail.com



07-266 1698/ 99
07- 266 6234
07- 266 1215 (Fax)